

PM lancar Papan Pemuka Digital

BH
-17/6/2020
mls:2

Hubungkan 53 data kementerian, agensi pastikan pelaksanaan pakej rangsangan berkesan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, melancarkan Papan Pemuka Digital yang berupaya menghubungkan data daripada 53 kementerian dan agensi yang terbabit dalam pelaksanaan pakej rangsangan bernilai RM295 bilion.

Pelancaran itu diadakan sempena lawatan kerja rasmi Perdana Menteri ke unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) yang juga pihak yang membangunkan Papan Pemuka Digital itu di Kementerian Kewangan, di sini.


Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul

Aziz; Timbalan Menteri Kewangan II, Mohd Shahar Abdullah; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Asri Hamidon dan Pengarah LAKSANA, Datuk Shahrul Nazri Abdul Rahim.

Yang turut hadir, pengurusan tertinggi Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan.

Menurut kenyataan media Pejabat Perdana Menteri, pendekatan itu bagi membolehkan kerajaan bertindak secara dinamik dan segera berdasarkan data raya dalam usaha membuat keputusan, memastikan keberkesanan penyampaian bantuan serta perkhidmatan.

Ia turut membantu bagi membuat penghalusan yang perlu bagi memastikan bantuan kerajaan di



Muhyiddin menandatangani plak ketika mengadakan lawatan ke unit LAKSANA dan pelancaran Papan Pemuka Digital sambil diperhatikan Tengku Zafrul di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

Pendekatan itu bagi membolehkan kerajaan bertindak secara dinamik dan segera berdasarkan data raya dalam usaha membuat keputusan.

Kenyataan media Pejabat Perdana Menteri

bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020), Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), benar-benar diterima oleh kumpulan yang disasarkan.

“Pengumpulan data secara berpusat dan langsung yang dipaparkan melalui Papan Pemuka Digital berkenaan adalah hasil kerjasama kementerian dan agensi, selaras dengan usaha kerajaan ke arah e-perkhidmatan sebagai persediaan untuk Revolusi Industri 4.0 serta anjakan menghadapi normal baharu,” menurut kenyataan itu.

Lawatan Perdana Menteri ke Unit LAKSANA itu bagi meninjau operasi serta status pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020), PRIHATIN dan PENJANA.

Perdana Menteri diberikan taklimat mengenai usaha LAKSANA, termasuk laporan mingguan pencapaian pakej PRIHATIN dan PENJANA oleh Menteri Kewangan.

Selain itu, usaha LAKSANA dalam memantapkan jalinan kerjasama antara sektor awam dan swasta juga adalah tunjang penting bagi menjayakan pelan pemulihan ekonomi negara.